

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
(PADANG BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.11.2015

Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah telah dilakukan kajian semula perlaksanaan GST dengan mengambil kira kesan yang menjejaskan kuasa daya beli dan kualiti penghidupan penduduk luar bandar akibat kenaikan harga barang mendadak, dicampur pula dengan 6% GST, lebih-lebih lagi pendapatan majoriti penduduk luar bandar yang bergantung kepada hasil getah dan kelapa sawit kerana harga kedua-dua komoditi tersebut berada pada paras rendah sepanjang tahun 2015 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya perubahan harga selepas pelaksanaan GST adalah sepertimana yang telah diunjurkan iaitu sebahagian barangan mengalami kenaikan, sebahagian mengalami penurunan manakala ada yang tidak berubah. Bagi barangan yang mengalami kenaikan harga, perubahan tersebut bukan semata-mata disebabkan oleh pelaksanaan GST tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kuasa pasaran iaitu perubahan permintaan dan penawaran, perubahan kadar tukaran mata wang asing, perubahan dalam kos pengeluaran termasuklah kadar upah/gaji dan pengangkutan.

Pelaksanaan GST di Malaysia telahpun mengambilkira kedudukan pendapatan dan sosioekonomi rakyat termasuklah mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Pelbagai barangan dikenakan GST pada kadar sifar sementara perkhidmatan asas dikecualikan dari GST supaya tidak menanggung sebarang komponen GST. Antaranya adalah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, termasuk buah-buahan, ubatan penting Nasional dan bahan bacaan. Perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan, pendidikan dan

pembelian rumah kediaman juga tidak dikenakan GST. Selain itu, Berdasarkan kajian yang telah dibuat menunjukkan kesan tambahan perbelanjaan dengan pelaksanaan GST ke atas golongan berpendapatan RM2,000 sebulan ke bawah adalah sebanyak RM51.89 sebulan sebelum mengambilkira layanan pelepasan GST tambahan yang telah diumumkan dalam Bajet 2015 dan Bajet 2016.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan pakej bantuan pelaksanaan GST, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah. Bantuan tersebut termasuklah melebarkan bantuan subsidi bersasar dengan meningkatkan amaun pemberian BR1M sebanyak RM300 bagi penerima yang layak pada tahun 2015. Dalam Bajet 2016, Kerajaan juga mengumumkan bahawa amaun BR1M ditingkatkan dan satu kategori baru diwujudkan iaitu penerima bantuan di bawah e-Kasih untuk membantu mengimbangi impak sedikit kenaikan harga barangan.